

**UCAPAN PERASMIAN
MENTERI KERJA RAYA
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MAJLIS ANUGERAH LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA 2017
DAN PRA PELANCARAN MANUAL AKREDITASI PROGRAM
REKABENTUK DALAMAN**

28 November 2017 (SELASA),Royal Chulan Kuala Lumpur

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Ar. Zairul Azidin Badri

Yang Dipertua Lembaga Arkitek Malaysia

Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-

sama pada malam ini untuk menghadiri dan memeriahkan **Majlis Anugerah Lembaga Arkitek Malaysia 2017** yang diadakan untuk kali kedua serta **Pra-Pelancaran Manual Akreditasi Program Rekabentuk Dalaman**.

3. Saya amat berbesar hati dan ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) kerana sekali lagi berjaya menganjurkan Majlis Anugerah LAM yang pernah diadakan sebelum ini iaitu pada tahun 2015. Seperti mana hadirin sekalian sedia maklum, Majlis ini diadakan bagi mengiktiraf individu-individu yang telah berjasa, menyumbang tenaga dan mencurahkan bakti kepada pembangunan profesion senibina dalam negara.

4. Sumbangan tersebut bukan sahaja dari pelaksanaan praktis seni bina malah juga dari segi pembangunan yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara ini yang secara langsung akan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Di samping itu, pengiktirafan juga akan diberikan kepada individu yang telah berjasa dalam bidang pendidikan seni bina yang telah melatih pelajar-pelajar seni bina di institusi pengajian tinggi Malaysia sehingga berjaya melahirkan ramai tenaga profesional

dalam bidang kesenibinaan yang akan menyumbang kepada peningkatan dalam industri pembinaan negara.

Para hadirin yang saya hormati,

5. Pada masa ini segala aspirasi dan inisiatif adalah berpaksikan pembangunan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi yang diperolehi daripada pelbagai lapis penggiat industri yang akan direalisasikan dengan usaha sama semua pihak yang terlibat. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan pandangan dan sumbangan dari penggiat industri bagi tujuan mempertingkatkan mutu sektor perkhidmatan di Malaysia.

6. Sebagaimana yang kita sedia maklum setiap negara termasuk Malaysia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan saingan yang amat kompetitif di peringkat antarabangsa. Antara cabaran tersebut adalah Revolusi Perindustrian Ke-empat yang merupakan industri lebih menumpukan penggunaan robotik, automasi dan analisis data besar dalam tenaga kerja. Kemunculan Revolusi Perindustrian Ke-empat atau IR 4.0 menuntut para profesional supaya berupaya menyampaikan perkhidmatan dengan pantas dan menyeluruh melalui pendekatan *multi-dimensional*. IR 4.0 juga akan menjadi

pemangkin kepada para profesional terutamanya Arkitek untuk beranjak kepada pencerapan teknologi terkini tetapi masih mempertahankan etika dan kualiti kerja yang tinggi dalam industri pembinaan.

7. Golongan profesional tempatan juga harus mempertingkatkan kemahiran dan daya saing dalam mempelbagaikan perkhidmatan mereka yang setanding dengan kepakaran antarabangsa. Saya percaya profesion Arkitek akan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan daya saing kerajaan dan Malaysia di dalam aspek ini. Kerajaan juga akan turut serta dalam inisiatif ini dan akan memberi sokongan sepenuhnya untuk membangkitkan profesion Arkitek bersama dengan profesion-profesion lain yang sejajar dengan matlamat Arkitek di Malaysia.

Hadirin sekalian,

8. Pembangunan dan pencapaian Arkitek di Malaysia bergantung kepada prestasi ekonomi negara. Melalui laporan Bank Negara Malaysia, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada suku ketiga 2017 telah mencatatkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan iaitu 6.2 peratus berbanding 4.3

peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ekonomi negara juga terus dipacu oleh permintaan dalam negara terutama perbelanjaan sektor swasta dan disokong oleh pengembangan berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta iaitu 7.3 peratus dan sektor awam sebanyak 4.1 peratus dengan penggunaan swasta meningkat sebanyak 7.2 peratus susulan dari keadaan pasaran pekerja yang lebih baik.

9. Prestasi ini telah menempatkan negara di hadapan negara-negara serantau yang lain seperti Singapura, Indonesia dan Taiwan. Bagi sektor pembinaan pula, nilai kerja pembinaan pada suku ketiga tahun 2017 merekodkan pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus kepada RM34.5 bilion berbanding RM33.8 bilion pada suku tahun kedua. Pertumbuhan ini didorong oleh pertumbuhan positif dalam semua sub sektor iaitu kejuruteraan awam (18%), aktiviti pertukangan khas (10.5%), bangunan bukan kediaman (2.8%) dan bangunan kediaman (1.6%).

10. Kerajaan juga amat komited dalam menggalakkan penggunaan sumber-sumber tempatan termasuklah penglibatan profesional dalam projek-projek mega seperti Projek Lebuh raya Pan Borneo, Pengerang Integrated Petroleum Complex, Projek East Coast Rail Line (ECRL), Projek Bandar Malaysia, Tun Razak

Exchange, Melaka Gateway dan Forest City yang sedang dijalankan di negara ini. Berdasarkan rekod cemerlang, syarikat tempatan mempunyai keupayaan dan kelayakan untuk memenuhi keperluan pelaksanaan projek mega tersebut di samping menawarkan harga yang lebih berpatutan. Justeru, saya ingin mengundang dan menggalakkan golongan profesional di Malaysia agar tampil ke depan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan industri pembinaan di Malaysia.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

11. Bagi memastikan aspirasi Kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa mengabaikan golongan profesional negara ini, di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) telah menggariskan 4 teras strategik iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti dan Pengantarabangsaan. Pelan 5 tahun ini bertujuan untuk mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

12. Di bawah teras strategik Produktiviti, Kementerian Kerja Raya telah mensasarkan seramai 5,000 profesional dilatih untuk

mengguna pakai kaedah *Industrialised Building System* (IBS) dan *modular coordination*, 1,000 personel binaan dilatih dalam mengguna pakai *Building Information Modelling* (BIM), 37,500 kontraktor Bumiputera dilatih di bawah *Continuous Contractor Development Programme* (CCD) oleh CIDB dan 900 kontraktor Bumiputera dilatih untuk menjadi kontraktor pengurusan fasiliti. Dengan adanya inisiatif-inisiatif seperti ini, para profesional dapat merebut peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengguna pakai teknologi untuk diaplikasikan dalam projek masing-masing.

Para hadirin sekalian,

13. Tidak dinafikan bahawa para Pereka bentuk Dalaman juga turut menyumbang kepada peningkatan industri pembinaan negara. Usaha yang dilakukan oleh Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia atau MAPS Malaysia di bawah Lembaga Arkitek Malaysia adalah bersesuaian dengan keperluan industri pembinaan semasa. Kesedaran untuk memenuhi keperluan industri perlu dilakukan bermula dari pusat pengajian tinggi.

14. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Arkitek Malaysia kerana telah berjaya mengeluarkan sebuah manual yang komprehensif serta bernilai tinggi yang dijadikan panduan bagi proses akreditasi program reka bentuk dalaman untuk dijadikan panduan oleh semua institusi pengajian tinggi tempatan negara. Langkah ini adalah salah satu usaha gigih dan daripada MAPS Malaysia di bawah naungan Lembaga Arkitek Malaysia.

15. Lembaga Arkitek Malaysia pula adalah agensi yang bertanggungjawab dalam mengawal selia profesion dan praktis reka bentuk dalaman. Bertepatan dengan Malaysia sebagai negara maju 2020, maka negara memerlukan peningkatan di dalam kualiti pendidikan reka bentuk dalaman, sama ada dari institusi tempatan atau pun luar negara yang mampu memenuhi kehendak pasaran dan persaingan globalisasi.

16. Lembaga Arkitek Malaysia telah pun menggariskan satu ketetapan terhadap kepiawaian dan kualiti program reka bentuk dalaman dari institusi luar negara yang diperlukan untuk negara ini, supaya adil dan seimbang dengan pengiktirafan program senibina sedia ada dalam negara.

17. Pada hari ini saya ingin memaklumkan bahawa Lembaga Arkitek Malaysia telah memberi 4 pengiktirifan dalam bidang pengajian rekabentuk dalaman kepada institusi-institusi pengajian tempatan iaitu **Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti UCSI, Universiti Taylor's dan Kolej Antarabangsa INTI, Subang**. Ini merupakan satu petanda yang baik bagi memperkukuhkan lagi taraf pengajian rekabentuk dalaman di Malaysia. Saya yakin dengan wujudnya Manual Akreditasi Program Reka bentuk Dalaman ini, ia akan menggalakkan lebih banyak institusi-institusi pengajian tempatan tampil ke depan untuk menawarkan pengajian reka bentuk dalaman berteraskan kualiti dan daya saing antarabangsa sebagaimana yang disarankan oleh golongan masyarakat yang peka dengan perkembangan moden dan inovatif.

18. Saya percaya usaha ini amat penting kerana pengawalan kualiti perkhidmatan sesuatu profesion amat bergantung kepada kualiti pendidikannya dan latihan yang telah disediakan semasa pembelajaran

Hadirin yang saya hormati,

19. Untuk makluman, tahun 2017 merupakan tahun bidang sektor perkhidmatannya dibuka kepada dunia luar. Ini sudah jelas dengan kewujudan BRI (*The Belt Road Initiative*). Kementerian Kerja Raya juga secara tidak langsung mengambil segala langkah persiapan untuk meningkatkan daya saing dan mutu penggiat industri di Malaysia.

20. Saya berharap Arkitek serta Pereka bentuk Dalam tempatan kelak dapat meningkatkan kapasiti, kemahiran dan profesionalisme serta memperkukuhkan perkhidmatan masing-masing supaya mampu bersaing di dalam dan luar negara agar setanding dengan pasaran dan keperluan dan permintaan antarabangsa.

21. Sebagai mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Lembaga Arkitek Malaysia di atas penganjuran Majlis yang gemilang dan amat bermakna pada hari ini. Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga kepada mereka yang berjaya mendapat pengiktirafan **Pingat Presiden Lembaga Arkitek Malaysia** dan **Anugerah Pendidikan Senibina** pada malam ini. Semoga lebih banyak program penghargaan dapat dilaksanakan bagi menarik dan

melahirkan lebih ramai profesional dalam industri pembinaan di negara ini menjelang Malaysia Negara Maju 2020.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan berbesar hati merasmikan **Majlis Anugerah Lembaga Arkitek Malaysia** dan **Pra-Pelancaran Manual Akreditasi Rekabentuk Dalaman**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.